



Tel : 04-2615669  
Fax/Tel: 04-2628664  
E-mail : secretariat@penangbar.org  
Website: www.penangbar.org

No. 4, Green Hall,  
1st Floor,  
10200 Penang,  
Malaysia.

## **JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE**

Kepada semua Ahli Penang Bar,

### **Mesyuarat Agung Tahunan Penang Bar 2020/2021**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") Penang Bar bagi tahun 2020/2021 akan diadakan seperti berikut:

**Tarikh** : **28hb Februari 2020 (Jumaat)**  
**Masa** : **2:45 petang**  
**Tempat** : **Sri Mas Ballroom  
Tingkat 4  
Bayview Georgetown Hotel  
Farquhar Street  
10200 Penang.**


### **AGENDA**

1. Untuk mempertimbangkan dan, jika diluluskan, mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan lalu yang telah diadakan pada 27hb Februari 2019;
2. Untuk membincangkan perkara-perkara yang berbangkit daripadanya;
3. Untuk mempertimbangkan Laporan-Laporan Pengerusi dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil;
4. Untuk mempertimbangkan dan, jika diluluskan, mengesahkan Laporan Bendahari dan Akaun Diaudit bagi tahun berakhir 31hb Disember 2019;
5. Pemilihan Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi tahun 2020/2021;
6. Pemilihan Wakil Majlis Peguam bagi tahun 2020/2021;
7. Untuk mempertimbangkan apa-apa usul yang dicadangkan di bawah peruntukan seksyen 70(2C) Akta Profesion Undang-Undang 1976; dan
8. Perkara Umum.

Sila ambil perhatian bahawa walaupun korum yang diperlukan adalah **74** ahli yang mewakili 5% dari jumlah keseluruhan ahli Penang Bar (1,479) pada tarikh Notis ini, semua ahli diingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab statutori anda untuk menghadiri mesyuarat ini dan memastikan bahawa mesyuarat ini tidak ditunda dan lebih penting lagi, bahawa mana-mana usul yang diluluskan adalah mewakili keinginan majoriti ahli Penang Bar.

Sila ambil perhatian juga bahawa menurut Seksyen 70 (2B) Akta Profesion Undang-Undang 1976 korum perlu hadir dalam masa satu (1) jam dari masa yang ditetapkan untuk memulakan mesyuarat, iaitu jam 3:45 petang dan sekiranya gagal memenuhi korum, mesyuarat akan ditunda ke jam 4:30 petang pada hari yang sama di mana ahli-ahli yang hadir akan memenuhi keperluan korum.

Bertarikh pada 20hb Januari 2020.

  
.....  
**Ravi Chandran**  
**Setiausaha (2019/2020)**

Nota:

1. Semua ahli disarankan berusaha sedaya upaya untuk menghadirkan diri di MAT pada masa yang ditetapkan.
2. Kaunter pendaftaran akan dibuka dari jam 1:00 tengahari. Makanan dan minuman ringan akan disediakan.
3. Hanya ahli Bar yang memiliki Sijil Amalan 2020 dibenarkan menghadiri MAT dan seterusnya mengambil bahagian dan/atau mengundi semasa MAT. Semua ahli dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan dalam bentuk Kad Pengenalan atau Lesen Memandu untuk pengesahan semasa Pendaftaran. Dengan itu kami memohon kerjasama dan pemahaman ahli-ahli dalam perkara ini.
4. Pelatih-pelatih Dalam Kamar dibenarkan menghadiri MAT sebagai pemerhati tetapi **tidak dibenarkan** mengundi.
5. Setiap ahli yang menghadiri MAT memiliki satu undian dan di mana sekiranya terdapat keadaan seri, ahli pengerusi majlis memiliki undi penentu.
6. Sekiranya mana-mana ahli berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam MAT, beliau hendaklah menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh MAT.
7. Satu (1) mata CPD akan diberikan kepada ahli-ahli yang menghadiri MAT  
**[Kod CPD: B1/28022020/PGB/PGB194858/1]**